

# PELAKSANAAN KAD RADHA'AH SEBAGAI ALTERNATIF PENJAGAAN NASAB KETURUNAN DAN ANAK SUSUAN OLEH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

*(Implementation of Radha'ah's Card as Alternative Care of Nasab and Babies with Breastfeeding by Selangor Islamic Religious Department)*

Abdul Mu'iz Mohd Tamyes  
muiztamyes@gmail.com

Mohd Norhusairi Mat Hussin  
husairi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-Undang,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Terbit dalam talian (*published online*): 2 Julai 2020

Sila rujuk: Mohd Tamyes, A.M. dan Mat Hussin, M.N. (2020). Pelaksanaan Kad Radha'ah sebagai Alternatif Penjagaan Nasab Keturunan dan Anak Susuan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 195-222.

## Abstrak

Kajian ini meninjau pelaksanaan Kad MyRadha'ah yang telah diperkenalkan buat julung kalinya di Malaysia atas inisiatif Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 19 November 2018. Pelaksanaannya sebagai satu mekanisme untuk memperkenalkan identiti anak dan ibu susuan. Usaha ini secara tidak langsung dapat menjaga institusi keluarga Islam khususnya melibatkan hubungan nasab dan mahram dalam ikatan kekeluargaan bagi memanifestasikan maqasid syariah, iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*). Maka dalam kajian ini, konsep penyusuan dari sudut perundangan Islam dikaji dan pada masa yang sama mengenal pasti institusi atau agensi yang berperanan mengawal selia isu-isu berbangkit berkaitan dengan penyusuan. Data kajian diperoleh daripada kajian

kepustakaan dan temu bual. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan Kad MyRadha'ah ini tidak cukup sekadar dilaksanakan oleh sebuah negeri sahaja, dan sewajarnyalah menjadi keperluan kepada negara. Kerjasama pelbagai pihak amatlah penting bagi melaksanakannya secara berperingkat dan memerlukan penyelarasan secara sekata di setiap negeri di Malaysia.

Kata kunci: Kad MyRadha'ah, nasab, *hifz al-nasl*, penyusuan, ibu susuan

### ***Abstract***

*This qualitative study is an analysis following the implementation of the MyRadha'ah Card which was introduced in Malaysia by the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) on 19 November, 2018. It is a mechanism for ascertaining the identity of a child and its wet nurse or 'milk-mother'. This aids in safeguarding the Islamic family institution, in particular, involving nasab (lineage) and mahram (unmarriageable kin) to manifest the Maqasid Shariah (objectives of the sharia) which requires hifz al-nasl or care of the offspring. This study, therefore, is meant to study the concept of wet-nursing from the point of view of Islamic law, as well as identifying the institutions or agencies that should play a role in regulating issues related to wet-nursing. The data were obtained through library research and interviews analysed using inductive and deductive methods. The study finds that the implementation of the MyRadha'ah Card should not be limited to one state but is a necessity for the entire country. The cooperation of various parties is crucial for implementation in stages and requires streamlining among all the states in Malaysia.*

**Keywords:** *MyRadha'ah Card, nasab, hifz al-nasl, wet-nursing, milk kinship*

## **PENDAHULUAN**

Institusi keluarga merupakan salah satu institusi yang harus dijaga bagi menjamin keharmonian agama dan negara. Dalam sistem kekeluargaan Islam telah dibincangkan isu khusus berkenaan penyusuan susu ibu antara ibu kandung dan anak kandung atau penyusuan seorang perempuan dengan bayi orang lain yang melibatkan hubungan nasab dan mahram dalam ikatan kekeluargaan demi menjaga maqasid syariah, iaitu menjaga keturunan.

Mufti Wilayah, Datuk Dr Zulkifli al-Bakri melalui *Bayyan Linnas* siri 70 menyarankan supaya diwujudkan kad khas bagi bayi yang menyusuri daripada wanita yang bukan ibu kandungnya bagi mengelakkan masalah kekeliruan nasab. Oleh yang demikian, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan diskusi meja bulat pada 19 April 2017 bagi membincangkan perihal keperluan mewujudkan kad radha'ah (kad ibu susuan), dalam era globalisasi ini, yang melibatkan pelbagai pihak dan agensi berkaitan untuk duduk bersama dalam perbincangan tentang keperluan mewujudkan kad tersebut.

Pelbagai isu telah diketengahkan dalam diskusi antaranya termasuklah isu penjualan susu ibu yang berleluasa, isu hukum mahram disebabkan susuan, isu kewujudan bank susu di luar negara, isu keperluan susu ibu untuk bayi pramatang dan isu trend terkini ibu berkongsi susu perahan dengan rakan-rakan (al-Jarumi, 2016). Kebimbangan mengenai ramai orang awam yang tidak menyedari bahawa amalan menyusukan bukan anak kandung mempunyai kesan dari segi hukum. Tanpa disedari keadaan ini boleh mewujudkan kerosakan nasab akibat amalan penyusuan susu ibu yang menyusukan anak orang lain tanpa rekod kerana kanak-kanak yang pernah menjadi saudara susuan tidak mengetahui bahawa mereka sebenarnya bersaudara oleh proses penyusuan (Nik Hussain, N.H., 2013).

Maka dalam senario yang berlaku pada hari ini, banyak kekeliruan timbul akibat ketiadaan garis panduan terhadap isu tersebut. Dalam Islam, masalah berkaitan *radha'ah* (susuan) merupakan permasalahan yang sangat diambil berat. Hal ini dibuktikan dalam hadis riwayat Muslim (1992, p. 921) daripada Abdullah bin Abu Bakar, daripada 'Amrah daripada Aishah r.anha. katanya, Rasulullah SAW berkata kepadaku:

“Diharamkan (berkahwin) dengan sebab penyusuan seperti diharamkan (berkahwin) dengan sebab kelahiran (nasab)”.

Berdasarkan hadis Nabi SAW tersebut, seseorang anak susuan menjadi haram dinikahi sama seperti golongan yang diharamkan nikah dengan sebab keturunan dan persemendaan. Anak susuan juga dianggap sebagai mahram dan sebahagian auratnya tidak batal wuduk apabila bersentuhan dengannya dan gugur sebagai saksi bagi kes-kes yang berkaitan dengan hukum-hukum nasab (al-Khatīb al-Sharbīnī, 1997). Walau bagaimanapun, hukum-hukum berkaitan nasab yang lain seperti pembahagian harta pusaka dan wali nikah tidak termasuk dalam hubungan susuan.

Hal ini dijelaskan lagi sewaktu dalam Perang Uhud, tatkala Sayidina Hamzah telah mati syahid, maka terdapat segelintir sahabat yang meminta agar Rasulullah SAW berkahwin dengan puteri Sayidina Hamzah yang merupakan sepupunya. Akan tetapi baginda menolak kerana Sayidina Hamzah bukan sekadar bapa saudaranya bahkan juga saudara susuan baginda daripada ibu susuan yang sama, iaitu Thuwaibah (Ashraf, S., 2004).

Maka asas ini dijadikan sandaran mengapa Rasulullah SAW menolak disebabkan adanya justifikasi yang membuktikan bahawa mereka merupakan adik-beradik sesusan, dan baginda sebagai *sāhib al-riwāyah* yang masih wujud pada waktu itu. Hal ini jelas menunjukkan kecelaruan kepada nasab keturunan akan terjadi sekiranya tiada sebarang maklumat yang tepat dan kebenaran terhadap status perhubungan yang tidak jelas.

## DEFINISI PENYUSUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pengertian penyusuan susu ibu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pengertian menurut bahasa dan menurut istilah syarak. Menurut bahasa penyusuan berasal daripada perkataan *raḍī ’a* dan *rada’ā*, iaitu penyusuan anak oleh ibunya (Ibnu Manzūr, 2003). Perempuan yang menyusukan anak digelar *al-murḍī’ah* dan anak yang disusui pula digelar *al-raḍī’* (al-Rāzi, 1995).

Menurut istilah syarak, terdapat beberapa pandangan tertentu berkenaan beberapa maksud dan takrif penyusuan. Antaranya mazhab Hanafi mentakrifkan penyusuan sebagai meminum susu perempuan-perempuan Adam pada waktu tertentu (al-Ghunaymi, 1993). Mazhab Maliki pula berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu perempuan sama ada sesudah mati atau perempuan kecil meskipun puting atau alat bantuan makanan atau susu yang bercampuran (dengan syarat hendaklah susu melebihi daripada benda lain) dengan makanan lain dalam tempoh tidak melebihi dua tahun (al-Dardir, t.t.).

Mazhab Shafii yang menjadi pegangan kebanyakan umat Islam di Malaysia menyatakan penyusuan ialah sesuatu perkara yang digunakan untuk memasukkan susu perempuan ke dalam hidangan kanak-kanak yang memberikan kesan kepada pembesaran (al-Khatīb al-Sharbīnī, 1978). Seterusnya mazhab Hanbali berpendapat penyusuan ialah memasukkan susu secara semula jadi atau alat bantuan minuman kepada seseiapa yang umurnya tidak melebihi dua tahun (al-Buhuti, 2003). Berdasarkan maksud dan takrif yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa pengertian

penyusuan susu ibu mengikut ulama ialah memasukkan susu perempuan ke dalam rongga kanak-kanak yang tidak melebihi usia dua tahun dengan syarat-syarat tertentu yang telah digariskan oleh hukum syarak.

## PENSYARIATAN PENYUSUAN

Penyusuan susu ibu ialah amalan yang baik dan digalakkan oleh Islam bagi menjamin kesihatan tumbesaran bayi dan pemulihan kesihatan ibu selepas melahirkan bayi [Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM (2011, pp. 9-13)]. Terdapat dalil daripada al-Quran dan hadis yang menyokong dan menggalakkan amalan penyusuan tersebut. Firman Allah SWT, *Surah al-Baqarah* ayat 233, yang bermaksud:

*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu.*

Dalam ayat ini, Allah SWT berfirman dengan jelas, bahawa para ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun bagi mereka yang berkemampuan dan mengingininya. Namun begitu, tidak menjadi kesalahan sekiranya mereka ingin mengupah orang lain untuk menyusukan anak mereka kerana sebab-sebab tertentu (Rida, 2005). Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 233, yang bermaksud:

*Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.*

Walau bagaimanapun, terdapat banyak perbezaan bagi mereka yang disusui oleh ibu sendiri dengan disusui oleh perempuan lain. Walaupun anak mendapat khasiat yang sama, tetapi kasih sayang ketika menyusukan anak tidak dapat dicurahkan oleh seseorang ibu. Dalam keadaan yang tertentu adakalanya anak terpaksa diserahkan kepada orang lain untuk disusui kerana susu ibu kering, ibu sakit dan sebagainya. Amalan sedemikian dibenarkan oleh Islam. Namun begitu, sekiranya ibu sihat dan mempunyai susu, sewajarnyalah si ibu sendiri yang menyusukannya.

## PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PENYUSUAN MENURUT SYARAK

Menurut Zaydān, A.K. (2000) penyusuan melibatkan tiga pihak utama yang saling berhubungan antara satu sama lain, iaitu ibu yang menyusukan (*al-murdi'ah*), bayi yang disusui (*raḍi'*), dan bapa kepada anak yang disusu (*murḍa'alah*).

### *Al-Murdi'ah*

*Al-Murdi'ah* membawa makna ibu yang menyusukan anak (Daud, N., 2018), bayi yang disusui (*raḍi'*). Berdasarkan firman SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 233 yang bermaksud: “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu.”

*Al-Wālidāt* dalam ayat ini membawa maksud ibu yang melahirkan anak dan seterusnya menyusukan anak tersebut. Namun begitu, terdapat pertikaian para ahli tafsir untuk menentukan maksudnya, iaitu sama ada suruhan ini khusus kepada ibu yang telah diceraikan ataupun ibu yang masih menjadi isteri ataupun semua wanita atau ibu yang melahirkan anak, tidak kira sama ada masih berada dalam ikatan perkahwinan atau telah diceraikan.

Pendapat pertama adalah seperti yang dinyatakan dalam *Tafsīr al-Manār* yang mentafsirkan kalimah *al-wālidāt* ini khusus kepada para ibu yang telah diceraikan sahaja. Hujahnya, ayat ini secara keseluruhannya diturunkan dalam bab talak dan penceritaannya juga adalah tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan talak. Perkara ini terjadi apabila sepasang suami isteri bercerai dan mereka mempunyai anak yang masih menyusu. Maka turunlah ayat ini untuk memperjelas keadaan tersebut (Rida, 2005).

Pendapat kedua merujuk kitab *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān* yang mentafsirkan perkataan ini sebagai para ibu yang masih menjadi isteri atau masih dalam ikatan pernikahan serta mereka mempunyai anak untuk disusui. Pendapat ini bersandarkan firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 233: “Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara makruf.”

Ayat ini membuktikan bahawa ibu yang dimaksudkan sebagai penyusu atau ibu yang masih menjadi isteri dan berada dalam ikatan perkahwinan dan bukannya isteri yang telah diceraikan. Hujahnya, yang berhak mendapat nafkah dan pakaian daripada seorang bapa atau suami ialah seorang isteri

yang sah dan bukannya yang telah diceraikan. Isteri yang telah diceraikan sebaliknya tidak berhak mendapat nafkah, mereka hanya berhak mendapat upah. Pendapat ahli tafsir ini juga disokong oleh pandangan dalam mazhab Hanafi yang berpendapat seseorang ibu hanya perlu menyusukan anaknya selagi masih berada dalam ikatan perkahwinan. Sekiranya mereka telah bercerai, penyusuan sudah tidak menjadi tanggungjawab ibu, sama ada dari sudut agama maupun dunia (al-Qurtubi, 1988).

Pendapat ketiga pula menyatakan perkataan *al-wālidāt* tersebut bermaksud semua wanita atau ibu yang melahirkan anak tidak kira sama ada berada dalam ikatan perkahwinan atau telah diceraikan. Mereka ialah *murdi'ah* dan perlu menyusukan bayi mereka. Pendapat ini dinyatakan dalam kitabnya *Rūh al-Ma'āni*. Pendapat ini disandarkan kepada ayat di atas. Dalam ayat ini, Allah SWT menggunakan lafaz am dalam menyebut kalimah *al-wālidāt*, iaitu semua ibu tanpa ada ayat yang mentaksiskannya. Maka hukumnya merangkumi semua ibu sama ada yang belum diceraikan atau yang telah diceraikan (al-Alusi, 1987).

### ***Al-Radi'***

*Al-Radi'* membawa maksud bayi yang disusui (Daud, N., Kusrin. Z, Hamjah, S. & Omar, A.F., 2012, p110). Para ulama bersepakat bahawa penyusuan ialah hak kepada bayi seperti nafkah kepada anak yang telah besar (al-Shirazi). Oleh itu, bapa bertanggungjawab memberikan nafkah pakaian dan makanan kepada si ibu yang menyusukan anak. Hasil daripada pemakanan yang sihat daripada ibu susuan tersebut terhasil susu untuk diminum oleh bayi. Pensabitan mahram melalui penyusuan dalam Islam menetapkan bahawa bayi yang menyusu ialah bayi yang berusia kurang daripada dua tahun, berdasarkan firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 233: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu."

### ***Al-Murda'lah***

*Al-Murda'lah* ialah bapa kepada anak yang disusui berdasarkan firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* ayat 233, yang bermaksud:

*Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara makruf.*

Kitab *Kashshāf ‘an Haqā’iq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-‘Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl* menjelaskan kalimah *al-mawlūd* sebagai bapa kepada bayi yang disusui (al-Zamakhshari, 1977). Bapa dikehendaki memberikan nafkah kepada ibu yang masih menjadi isterinya dan menyusui anaknya serta memberi upah kepada isteri yang telah diceraikan tetapi masih menyusui anaknya. Bahkan al-Shirazi dalam kitabnya *Al-Muhadhdhab* pernah menyatakan sekiranya seseorang ibu tidak mahu menyusukan anaknya, beliau tidak boleh dipaksa kerana ibu tidak boleh dipaksa dalam pemberian nafkah. Oleh itu, dengan keberadaan bapa dalam keluarga, bapa yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah penyusuan anak yang kecil seperti nafkah kepada anak yang telah besar (*al-Shirazi*).

## ISU-ISU YANG BERKAITAN DENGAN HUKUM PENYUSUAN

### Percampuran Susu Ibu dengan Makanan dan Minuman

Percampuran antara susu ibu dengan makanan atau minuman menjadi perbahasan ulama yang menjadi sebab wujudnya mahram susuan. Beberapa orang ulama memberikan pendapat mereka dalam permasalahan ini.

Abu Hanifah daripada mazhab Hanafi berpendapat, sekiranya susu ibu bercampur dengan benda-benda cair seperti air masak dan sebagainya serta sifat-sifat asal susu ibu seperti bau, warna dan rasa kekal, tetap akan mensabitkan anak tersebut sebagai mahram susuan. Sebaliknya jika susu tersebut sudah hilang sifatnya seperti susu bercampur dengan benda beku seperti bubur dan sebagainya, ia tidak lagi menjadikan anak tersebut mahram disebabkan penyusuan sama ada sifat-sifat asalnya berubah atau tidak. Abu Yusuf dan Muhammad (murid Abu Hanifah) berpendapat bahawa, campuran susu ibu dengan makanan atau benda beku yang diberikan kepada bayi, akan tetap menjadikan anak tersebut mahram susuan, apabila jumlah, bentuk dan warna asli susu tersebut masih banyak. Walaupun begitu, jika bentuk, jumlah dan warna susu tersebut hilang, pengharaman tidak akan berlaku (al-Kasani, 1986). Ulama mazhab Maliki pula mengatakan susu itu hendaklah tidak bercampur dengan benda-benda lain seperti makanan, minuman dan ubatan. Sekiranya dicampur dan campuran tersebut lebih banyak daripada susu ibu sehingga menghilangkan rasa susu, bayi yang meminumnya tidaklah dianggap anak susuan. Sebaliknya, sekiranya air susu tersebut lebih banyak atau sama banyaknya dengan campuran tersebut, maka dianggap penyusuan yang mengharamkan.

Menurut ulama mazhab Shafii (al-Shirbini, 1978) pula, susu bercampur dengan makanan atau minuman yang lain, hukumnya ialah penyusuan yang mengharamkan. Mereka membandingkan dengan percampuran benda haram ke dalam makanan. Contohnya arak yang dimasukkan ke dalam makanan, maka makanan tetap haram sama ada dimasukkan sedikit atau banyak (al-Mawardi, 1996). Demikian juga dengan penyusuan, yang tetap menyebabkan berlakunya mahram susuan sama ada dicampurkan dengan makanan yang beku atau minuman yang cair. Maknanya, susu ibu yang dicampur dengan bubur dan susu ibu yang bercampur dengan air masak, kedua-keduanya akan mensabitkan pengharaman secara mahram susuan. Sekiranya cukup syarat-syaratnya tanpa mengira sifat asal susu tersebut berubah atau tidak (al-Shirbini, 1978).

Seperti pendapat mazhab Shafii, ulama mazhab Hanbali juga turut mempunyai pandangan yang sama dengan mazhab Shafii. Ibnu Qudamah dalam kitabnya menyatakan bahawa semua bentuk susu ibu yang masuk melalui kerongkong bayi dan sampai ke dalam rongga perutnya, serta dapat menumbuhkan daging serta mempercepatkan pertumbuhan tulang, proses ini dianggap susuan secara semula jadi yang boleh menjadikan bayi mahram kepada wanita tersebut (Ibn Qudamah, 1983).

## **Penyusuan kepada Kanak-kanak yang Berusia Lebih daripada Dua Tahun**

Para ulama dahulu dan sekarang telah membahaskan mengenai permasalahan penyusuan terhadap orang dewasa yang berkaitan dengan pengharaman pernikahan saudara susuan atau tidak. Jumhur ulama bersepakat bahawa penyusuan yang diharamkan ialah penyusuan yang terjadi sewaktu bayi itu tidak melebihi umur dua tahun. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Imam Malik dan pengikutnya yang cenderung menyatakan penyusuan yang mensabitkan mahram susuan adalah jika susuan tersebut masih dalam tempoh usia dua tahun. Oleh itu, selepas usia dua tahun, tempoh penyusuan yang disyariatkan telah tamat (al-Jawziyah, 1992). Begitu juga ulama yang berpendapat bahawa penyusuan ialah perbuatan menyusukan bayi disebabkan bayi tersebut kelaparan. Seperti hadis daripada Aishah r.anha (Mausu'ahal-Hadithal-Syarif, 2000):

“Sesungguhnya penyusuan itu daripada sebab kelaparan.”

Walaupun begitu, terdapat juga segelintir ulama mengatakan terjadinya pengharaman disebabkan susuan walaupun diminum oleh orang yang melebihi dua tahun atau orang dewasa. Antaranya Muhammad bin Hazm berpendapat bahawa semua bentuk penyusuan mengharamkan pernikahan sesama saudara susuan sama ada penyusuan itu pada masa bayi atau sudah dewasa (Ibn Hazm, t.t). Hal ini bersesuaian dengan hadis daripada Aishah r.anha (Muslim, 1992):

Sahlah binti Suhayl datang kepada Nabi SAW dan berkata: “Wahai Rasul Allah, aku melihat perubahan air muka Abu Hudzaifah setiap kali Salim menemuiku, padahal ia adalah anak asuhnya.” Nabi s.a.w lalu bersabda: “Kalau begitu, susuiah ia!” Sahlah bertanya: “Bagaimana aku menyusuinya, sedang ia adalah orang dewasa?” Rasulullah SAW tersenyum lalu bersabda: “Aku juga tahu bahwa ia sudah besar.”

Hadis ini membuktikan penyusuan orang dewasa boleh menyebabkan berlakunya mahram susuan kerana Salim pada ketika itu sudah melebihi usia dua tahun dan telah meningkat dewasa. Al-Shafii pula mengatakan tidak terjadinya pengharaman disebabkan susuan apabila bayi telah melebihi usia dua tahun. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan hadis Umm Salamah dan isteri-isteri nabi yang membangkang penyusuan orang dewasa.

“Kami tidak melihat penyusuan dewasa melainkan rukhsah dalam kes Salim sahaja.”

Sekiranya penyusuan bagi orang dewasa diterima maka hal ini amat bercanggah dengan hukum syarak Islam. Apabila seseorang berpegang dengan pendapat Ibn Hazm yang menyatakan bahawa penyusuan tetap berlaku apabila susu itu diminum daripada payudara perempuan, nescaya wanita tersebut terpaksa membuka aurat mereka dan kemungkinan mendatangkan maksiat yang keji, iaitu berzina. Hal ini sama sekali bercanggah dengan prinsip Islam yang menyuruh umatnya menjaga maruah yang termasuk dalam lima prinsip dalam Islam. Oleh itu, penyusuan orang dewasa tidak menyebabkan berlakunya mahram susuan.

Pendapat yang *rājih* ialah pandangan jumhur ulama, tabiin dan para sahabat. Mereka mengatakan penyusuan dewasa tidak menjadikan anak tersebut mahram susuan. Hadis Salim telah dimansuhkan dengan ayat al-Quran daripada *Surah al-Baqarah* ayat 233. Pendapat ini dipegang oleh keempat-empat mazhab, iaitu daripada Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali

(Abdul Kadir, M.N. & Awang, M.D., 2018). Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 233 yang bermaksud:

*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu.*

Walau bagaimanapun ulama masih mempunyai pandangan yang berbeza dalam isu ini dengan melihat kepada kekuatan dalil, maslahah untuk kanak-kanak dan keluarga angkat jika berlaku kes penyusuan bayi yang melebihi usia dua tahun seperti yang ditetapkan oleh syarak. Namun demikian, artikel ini tidak berhasrat untuk menghuraikan khilaf yang timbul dalam isu yang dimaksudkan ini.

### **Isu Penyusuan daripada Bank Susu**

Penubuhan bank susu ini dihasilkan dengan cara mengumpulkan susu daripada wanita-wanita di seluruh dunia dan diletakkan di satu tempat khas seperti bank darah. Penubuhan bank susu ini membawa pelbagai persoalan yang mungkin akan timbul sekiranya dilaksanakan. Antaranya termasuklah, adakah terjadi hubungan persaudaraan kepada bayi yang dilahirkan dengan penderma susu tersebut, dan bagaimana mengenal pasti pemilik susu tersebut sedangkan ia bercampur dengan susu daripada wanita lain? Permasalahan penubuhan bank susu ini telah menimbulkan dua pendapat ulama, iaitu ada yang bersetuju dan ada yang menentang penubuhan bank susu tersebut. Namun begitu, kedua-kedua pendapat tersebut mempunyai hujah dan dalil tertentu dalam menentukan hukum permasalahan ini.

Para ulama yang bersetuju dengan penubuhan bank susu ini cenderung untuk berpegang kepada pendapat bahawa '*Umūm al-Balwā* (sesuatu yang menimpa manusia secara menyeluruh) sesuatu yang boleh membawa keringanan kerana mengambil kira keadaan manusia dan sebagai berlemah lembut terhadap mereka. Pandangan ini bermaksud kemudaratan terhadap kesihatan anak perlulah didahului dan dijaga kerana tanpa penyusuan yang sempurna anak yang dilahirkan akan menghidapi pelbagai penyakit yang mungkin boleh membawa kepada kematian. Oleh itu, ulama yang berpegang dengan pandangan ini mengambil pendekatan bahawa maslahah yang terjadi kepada masyarakat umum adalah lebih utama daripada kepentingan individu. Sebahagian ulama yang bersetuju juga berhujah bahawa tidak akan berlaku hubungan persaudaraan secara

susuan sekiranya susu yang didermakan itu dalam kuantiti yang sedikit. Bahkan apabila susu itu dikeringkan dan kemudiannya diproses menjadi tepung, hendaklah tepung itu diletakkan air yang banyak dan seterusnya menghilangkan keaslian susu tersebut kerana telah bercampur dengan sesuatu yang lain. Begitu juga ulama yang berpegang dengan pendapat Ibn Hazm yang mendefinisikan penyusuan hanya berlaku apabila bayi menghisap daripada buah dada wanita dengan menggunakan mulutnya (Daud, N., 2018).

Seseorang bayi yang diberikan susu ibu dengan bekas atau dimakan bersama-sama roti atau sebarang makanan lain atau dititiskan ke mulut, hidung dengan telinganya ataupun disuntik, kesemuanya tidak menjadikannya mahram walaupun susu tersebut menjadi makanannya seumur hidup. Maksudnya, pemberian susu kepada bayi daripada bank susu ini tidak akan menyebabkan terjadinya hubungan mahram kepada penderma dengan bayi tersebut. Pandangan ini diutarakan oleh Ibn Hazm. Pandangan yang sama juga dipegang oleh al-Hafnawi dalam Fatwa Syariyyah Mu'asirah, kerana kebaikan yang diperoleh daripada bank susu sangat banyak dan boleh menyelamatkan nyawa bayi. Lajnah Fatwa al-Azhar pada tahun 1960 juga turut menyokong penubuhan bank susu ini. Semasa diajukan persoalan penubuhan bank susu oleh Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Syarak Indonesia, lajnah ini mengeluarkan pendapat mereka dengan berpandukan kitab *al-Durr al-Mukhtār* yang menyatakan, seandainya anak (seorang anak perempuan) itu disusui oleh kebanyakan orang di suatu desa, kemudian tidak diketahui siapa yang menyusunya, lalu salah seorang daripada mereka ingin mengahwininya, jika tiada bukti dan tanda yang menunjukkan mereka saudara susuan dan tiada saksi, maka hukumnya mereka bukan mahram susuan dan boleh berkahwin.

Walaupun begitu, kebanyakan ulama dalam kalangan mazhab empat menolak pendapat yang diutarakan oleh sebilangan ulama yang mengharuskan penubuhan bank susu ini. Contohnya, al-Walid ibn Rashid al-Suway semasa dikemukakan soalan berkenaan penubuhan bank susu ini menyatakan bahawa pendapat yang menghukum harus menubuhkan bank susu ibu, membuka ruang kepada kerosakan yang masih samar. Penyusuan kepada anak boleh dilakukan dengan cara mengupah perempuan yang menyusukannya, jika tiada ibu. Tambahan lagi, terdapat ramai perempuan yang sukarela menyusukan anak. Bahkan perkembangan kemajuan teknologi pemakanan boleh mengantikan susu ibu dengan susu lain. Ketiadaan kaum wanita untuk menyusu boleh digantikan dengan susu formula. Susu lain dapat memenuhi objektif, walaupun tidak dapat

mengambil tempat susu ibu. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan yang mendesak untuk menubuhkan bank susu ibu kerana penubuhannya bererti melakukan kerosakan yang pasti, dan membendung kerosakan yang masih samar (al-Suwaydan, 2007).

Sehubungan itu, Majma' al-Fiqh al-Islami telah membincangkan mengenai permasalahan ini di Jeddah pada 10 sehingga 16 Rabiul Awal 1406H bersamaan 22 sehingga 28 Disember 1985M, memutuskan bahawa mereka melarang penubuhan bank susu di dunia Islam dan haram hukumnya memberikan susu daripada bank susu tersebut. Sesungguhnya Islam menganggap saudara sesusan itu seperti saudara darah daging sendiri, yang tidak berbeza dengan darah daging nasab. Oleh itu, diharamkan apa-apa sahaja yang diharamkan berdasarkan nasab. Seterusnya, antara tujuan umum syariat untuk menjaga nasab, sedangkan bank air susu itu seperti cenderung kepada percampuran nasab atau minuman yang akan menimbulkan keraguan. Tambahan lagi, hubungan sosial dalam dunia Islam sangat memungkinkan untuk memberikan penyusuan secara semula jadi kepada anak-anak yang lahir secara normal atau anak-anak yang sangat memerlukan air susu. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk menubuhkan bank susu (*Majma' Fiqh Islami*, 1985).

Golongan ulama yang bersetuju dengan penubuhan bank susu ini telah membuka jalan kemudarat yang lebih berat untuk menutup kemudarat yang samar. Kemudarat yang lebih berat yang dimaksudkan di sini adalah tentang nasab atau keturunan yang menjadi rumit sekiranya seorang bayi minum daripada bank susu tersebut, kerana tidak mengenali pemilik susu tersebut. Sedangkan Islam menjaga keturunan atau nasab dan termasuk dalam menjaga lima prinsip dalam Islam. Oleh itu, penubuhan bank susu ini tidak diperlukan berdasarkan pendapat para ulama yang telah dibincangkan. Berasaskan hal ini diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-97 yang bersidang pada 15 sehingga 17 Disember 2011 yang telah membincangkan mengenai hukum penubuhan bank susu seperti yang berikut:

Muzakarah berpandangan bahawa menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu apa-apa tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan kemudarat kepada nasab atau keturunan perlulah dielak. Muzakarah juga berpandangan bahawa hukum penubuhan bank susu amat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan, bayi-bayi yang

menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik-beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan jumhur ulama bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung daripada payudara atau penyusuan secara tidak langsung.

(Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan.

Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pramatang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain.

(Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017)

Berdasarkan hujah tersebut, penulis bersetuju dengan pandangan yang tidak mengharuskan penubuhan bank susu bagi mengelakkan kemudaratan, iaitu ketidakpastian menentukan pensabitan kaedah perubatan moden didapati berupaya membantu menyelamatkan bayi yang mengidap pelbagai penyakit kronik, tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada susu ibu. Namun begitu, sekiranya ada cara yang boleh dilakukan supaya bank susu ini menepati kehendak Mazhab Shafii dan percampuran mahram tidak berlaku, mungkin ada golongan penyelidik boleh memikirkan perkara ini supaya hal ini dapat dilaksanakan.

### **Penyusuan kepada Anak Angkat**

Dewasa ini ramai pasangan yang tidak dikurniakan cahaya mata mengambil anak angkat untuk mengisi kekosongan dalam hidup mereka.

Walaupun mereka memelihara dan membesarakan anak tersebut dengan penuh kasih sayang namun anak tersebut tetap menjadi orang asing atau ajnabi kepada ibu mereka. Perkara ini telah diberi amaran oleh Allah SWT dalam beberapa firmanya pada ayat keempat, kelima dan ke-40 *Surah al-Ahzab*. Firman Allah SWT *Surah al-Ahzab*, ayat 4, yang bermaksud:

*Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataanmu di mulutmu saja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjukkan jalan (yang benar).*

Menurut al-Mazhari, ayat ini diturunkan kerana orang Arab jahiliah pada ketika itu menganggap anak angkat sebagai anak sendiri dan diberikan pusaka dan dibinkan dengan nama mereka. Bahkan Nabi SAW sendiri juga mempunyai anak angkat bernama Zaid bin Harithah (*Surah al-Ahzab* :37). Mereka memanggilnya Zaid bin Muhammad. Untuk menafikan perkara tersebut Rasulullah telah berkahwin dengan Zainab binti Jahsy yang merupakan bekas isteri kepada Zaid bin Harithah (al-Mazhari, 2007).

Keadaan ini juga berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini. Oleh sebab kasih sayang yang tidak berbelah bahagi antara anak dan ibu bapa angkat ini menyebabkan mereka lupa antara mereka tidak ada ikatan darah serta tertakluk pada pelbagai sekatan dan hukum dalam Islam. Hubungan kekeluargaan yang dibina telah bertukar menjadi hubungan yang tidak diredayai Allah SWT. Pendedahan aurat dan sentuhan seperti bersalaman antara anak dan ibu bapa angkat tetap merupakan sesuatu yang dilarang dalam Islam. Akan tetapi perkara ini masih berleluasa dalam masyarakat Islam hari ini. Sebenarnya segala permasalahan ini boleh dielakkan dengan pemberian susu ibu kepada anak angkat tersebut. Walaupun susu ibu tidak mampu menjadikan anak angkat seperti anak kandung atau boleh mewarisi pusaka, namun usaha ini berupaya mewujudkan ikatan sosial yang kuat dengan anak angkat dengan menghalalkan ikatan kekeluargaan mereka dan banyak masalah sosial dapat diatasi. Permasalahannya apabila wanita yang tidak melahirkan anak sukar untuk mengeluarkan susu secara semula jadi. Oleh itu, pelbagai kaedah boleh digunakan seperti kaedah urutan, mengambil pil atau suntikan untuk menggalakkan pengeluaran susu. Sekiranya dengan cara tersebut susu dapat dihasilkan dan anak tersebut sempat meminumnya lebih daripada lima kali kenyang, maka anak tersebut sah menjadi anak susuannya (Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2012).

Sekiranya cara-cara ini masih belum mampu untuk mengeluarkan susu ibu, terdapat satu lagi inisiatif lain yang boleh dilaksanakan, iaitu dengan cara anak angkat lelaki boleh diberi susu ibu daripada adik-beradik ibu angkat tersebut. Dengan ini hubungan antara anak dan ibu angkat tadi ialah anak saudara susuan dan hubungan antara mereka adalah mahram susuan sama seperti hubungan antara anak saudara dan ibu saudara. Demikian juga dengan anak angkat lelaki, susu ibu boleh diberikan daripada mana-mana adik-beradik perempuan bapa angkat yang mempunyai susu ibu. Maka hubungan mahram akan wujud dan ikatan kekeluargaan menjadi lebih bersih daripada perkara yang diharamkan dalam Islam (al-Sharbaji, 1987). Amalan ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan telah diriwayatkan oleh Sayidatina Aisyah r.anha:

Diriwayatkan daripada ‘Aishah r.anha bahawasanya telah datang kepadanya seorang lelaki bernama Aflah. Aflah ialah adik-beradik kepada Abi Qu’ais yang merupakan bapa susunya. Aflah meminta izin untuk memasuki rumahnya dan ketika itu ayat berkaitan hijab telah diturunkan. Aisyah berkata: “Aku enggan untuk memberi izin kepadanya untuk memasuki rumah.” Maka ketika Rasulullah datang, aku khabarkan kepadanya apa yang telah aku lakukan. Maka beliau menyuruhku memberi izin supaya dia (Aflah) memasuki rumah. “Sesungguhnya ia (Aflah) ialah bapa saudaramu.”

(Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab nikah, bab al-Rida, no hadīth, p. 1044)

Daripada hadis ini dengan jelas dapat diperhatikan bahawa bapa saudara sesusan merupakan salah seorang daripada mahram susuan. Maka dalam keadaan ini bapa angkat tadi menduduki tempat sebagai bapa saudara susuan dan menjadi mahram kepada anak angkat tadi. Selain itu, terdapat juga satu kisah apabila Rasulullah SAW disuruh berkahwin dengan puteri kepada Sayidina Hamzah r.a., Rasulullah SAW menolaknya kerana Hamzah ialah saudara sesusuannya (Asyraf, S., 2004) dan puteri tersebut ialah anak saudara susuannya.

## KESAN PERUBAHAN STATUS SEBAGAI ANAK SUSUAN

Perubahan status anak angkat kepada anak susuan memberikan kesan hukum mahram antara anak angkat dengan keluarga angkat. Dalam nas-

al-Quran dinyatakan bahawa seorang lelaki diharamkan untuk bernikah dengan wanita yang menyusukannya seperti firman Allah dalam *Surah al-Nisa'*, ayat 23 yang bermaksud:

*Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu.*

Dalam ayat ini, seorang lelaki tidak diharuskan untuk bernikah dengan wanita yang telah menyusukannya. Begitu juga dengan mana-mana perempuan yang juga telah menyusu daripada wanita ibu susunya. Dengan ini, anak angkat lelaki menjadi mahram kepada wanita yang menyusukannya. Dalam riwayat hadis, Nabi SAW menerangkan konsep asas keharaman dengan sebab susuan dengan bersabda (Ibn Anas, 1997):

“Keharaman berkait juga dengan susu suami, iaitu seorang wanita menyusukan seorang anak perempuan maka haramlah anak perempuan ini atas suami wanita tersebut, bapa kepada suami wanita tersebut dan anak kepada suami wanita tersebut. Oleh itu, suami yang mana susu wanita tersebut keluar dengan sebabnya sebagai bapa susuan”.

## KEPENTINGAN DOKUMENTASI MAHRAM SUSUAN

### Munakahat

Islam menjadikan akad perkahwinan yang sah sebagai wasilah yang mengharuskan pasangan suami isteri untuk hidup bersama-sama tanpa berhajat kepada menutup aurat, kewujudan mahram untuk berdua-duaan dan lain-lain lagi. Berasaskan keprihatinan ibu bapa atau pasangan yang menerima bayi baharu dengan mengambil ibu susuan, bagi memastikan penyusuan secara eksklusif, memerlukan pendokumentasian untuk menyelaraskan keperluan data proses perkahwinan. Pendokumentasian ini penting bagi mengelakkan berlakunya perkahwinan antara mahram sesusuan.

Wasilah perlu didominasi dengan memperkenalkan sistem atau alat pendokumentasian bagi tujuan penyelarasan. Islam tidak membenarkan perkahwinan sesama adik-beradik susuan atau mahram susuan. Oleh itu,

satu elemen atau mekanisme perlu diwujudkan bagi tujuan penguatkuasaan dan penyelarasan maklumat secara terurus dan sistematik. Pembinaan model kad atau sijil merupakan satu langkah ke arah pengaplikasian tuntutan maqasid syariah, iaitu penjagaan nasab kerana hadis Nabi SAW menyebut dalam riwayat al-Bukhari (al-Syarbini, 1997):

Mahram disebabkan penyusuan adalah apa yang menjadi mahram disebabkan nasab.

Hal ini juga mampu mengenal pasti jaluran mahram susuan berasaskan bukti rasmi yang terpapar pada kad atau sijil penyusuan, sekali gus menghilangkan keceleruan jaluran nasab yang berkaitan dengan jaluran mahram susuan.

### **Keharmonian dalam Pengurusan Ibadah**

Selain menangani isu konflik semasa praperkahwinan, pendokumentasian penyusuan perlu diwujudkan bagi memperakui hubungan mahram secara rasmi dan sah oleh pihak berkuasa, ekoran kepelbagaiannya corak penyusuan yang berlaku disebabkan perubahan sosial hidup masyarakat. Pendokumentasian ini menjadi matlamat yang perlu direalisasikan bagi mengharmonikan urusan ibadah antara anak susuan dengan mahramnya. Antaranya termasuklah seperti yang berikut:

#### **(1) Wuduk**

Antara anak susuan dengan ibu susuan atau bapa susuan, serta mahram susuan yang lain, tidak berlaku pembatalan wuduk jika bersentuhan secara langsung. Perkara ini memberikan keringanan kepada anak susuan dalam konteks ibadah apabila mereka mengenal pasti mahramnya melalui mekanisme pendokumentasian tersebut.

#### **(2) Sentuhan**

Bagi isu bersentuhan antara lelaki dan perempuan, Islam mengharamkan antara lelaki dan perempuan bersentuhan. Dalam kes anak susuan dengan ibu, bapa atau mahram susuan adalah dibenarkan oleh syarak. Namun begitu, cara mengenal pasti mahram susuannya memerlukan penelitian terhadap rekod atau catatan yang mensabitkan anak itu sebagai anak susuan yang mempunyai hubung kait dengan ibu, bapa dan mahram susuan.

### (3) Batasan Aurat

Aurat wanita dengan lelaki yang bukan mahram ialah seluruh tubuh, kecuali muka dan dua tangan. Bagi isu anak susuan dengan ibu, bapa atau mahram susuan, batasan auratnya berbeza. Hukum aurat mereka adalah seperti aurat sesama mahram. Oleh itu, kewajaran mewujudkan kad, sijil atau apa-apa mekanisme yang mampu menguruskan dokumentasi penyusuan ini adalah sangat signifikan.

### (4) Mahram Haji dan Umrah

Pembinaan kad atau sijil penyusuan mampu mengatasi masalah jemaah haji atau umrah wanita untuk bermusafir menunaikan haji dan umrah tanpa muhrim. Berdasarkan peraturan haji menyebut: “wanita di bawah 45 tahun dan lelaki di bawah 18 tahun wajib pergi bersama mahram lelaki berumur melebihi 18 tahun” (Laman Web Rasmi Tabung Haji, 2013). Kad atau sijil penyusuan mampu memenuhi keperluan ibadah haji dan umrah wanita yang tiada mahram nasab, tetapi memiliki mahram susuan.

### (5) Urusan Sosial

Melalui pembinaan kad atau sijil ini, memudahkan anak susuan bersama-sama dengan mahram susuannya untuk meneruskan kelangsungan hidup secara harmoni. Aktiviti sosial berbentuk harian tidak menimbulkan isu prasangka berkhawat, bergaul bebas dan sebagainya. Langkah ini bertepatan dengan salah satu sumber hukum Islam, iaitu *sadd al-Dharai'*. (Laman Web Rasmi Darul Ifta' Misriyah, 2013).

## **JUSTIFIKASI PENDOKUMENTASIAN MAHRAM SUSUAN MELALUI KAD ATAU SIJIL RADHA'AH**

Islam meletakkan pelbagai panduan bagi memastikan umatnya dapat hidup secara aman, adil dan harmoni. Pelbagai rukhsah (kelonggaran), kaedah, larangan, tuntutan, nilai-nilai akhlak diperkenalkan syarak bagi memastikan manusia mampu hidup secara harmoni menepati maqasid syariah dalam lima aspek, iaitu agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Pembinaan kad atau sijil radha'ah (penyusuan) mampu menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan dengan hukum-hakam anak susuan dengan ibu, bapa dan mahram susuan. Selain itu, pelaksanaannya merupakan

usaha bestari untuk mengharmonikan keperluan hidup mengikut arus perubahan sosial selaras dengan perkembangan revolusi industri 4.0.

Pembinaan kad atau sijil ini mampu menangani isu-isu yang berkaitan dengan perkahwinan, urusan pelaksanaan haji dan umrah bagi wanita yang tiada mahram lain kecuali mahram susuan. Mekanisme ini mampu mengesahkan hubungan mahram susuan dan melancarkan proses pelaksanaan ibadah seseorang wanita.

Selain itu, dengan kewujudan kad atau sijil ini, anak-anak susuan mampu mengetahui tanggungjawab seorang anak kepada ibu dalam konteks *birral-wālidayyin*, iaitu berlaku ihsan kepada kedua-dua ibu bapa. Sekali gus, anak susuan dapat mengenal pasti identiti ibu bapa susuan, untuk mereka melakukan kebajikan kepada mereka, kerana ibu susuan juga termasuk dalam lima kategori ibu (ibu kandung, ibu tiri, ibu mentua, ibu susu, ibu angkat) yang wajib untuk kita berlaku ihsan kepadanya.

Meneliti kembali cara atau corak penyusuan yang berlaku dalam suasana hidup tanpa batasan, jarak perjalanan dunia umpama sebuah perkampungan kecil yang berlaku penyusuan anak susuan antara dua benua memerlukan pendokumentasian secara terurus pada peringkat pihak berkuasa kerana kaedah fiqh menyebut (Muda, A.L. & Ali, R., 2000):-

Apabila suatu perkara itu sempit, maka hukumnya diperluas, dan sebaliknya apabila suatu perkara itu luas, maka hukumnya dipersempit.

Melalui kepelbagaiannya cara pengambilan ibu susuan ini, memerlukan tindakan pendokumentasian perihal penyusuan ibu susuan. Langkah atau usaha mewujudkan kad atau sijil penyusuan adalah bertepatan dengan kaedah fiqh ini. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 185 dan *Surah al-Haj* ayat 78, yang bermaksud:

*Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.*

*... dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan*

Selain itu, penggunaan kad ini juga sebagai wasilah mengesyorkan jabatan tertentu agar didokumentasikan bukti pengambilan ibu susuan sama ada pada peringkat pejabat agama atau pendaftaran negara. Tindakan ini berasaskan kaedah *fiqhiiyah* (Muda, A.L. & Ali, R., 2000) iaitu: “Sesuatu tindakan pemerintah mesti berpandukan kepada kemaslahatan.”

Mendokumentasikan pembuktian tersebut merupakan maslahah umum, iaitu bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat dalam sistem kekeluargaan dan ibadah dalam Islam.

## **PELAKSANAAN KAD MYRADHA'AH OLEH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

Selari dengan meningkatnya kesedaran ibu-ibu tentang khasiat susu ibu sebagai susu terbaik untuk bayi, pencarian ibu susuan semakin diterima dalam masyarakat kita. Dengan kemudahan peralatan seperti pam serta aksesori penyusuan, ibu-ibu kini mampu menyimpan stok susu yang banyak sehingga trend menderma susu ibu kepada tabung hospital mula menjadi popular. Walaupun trend ini dilihat sesuatu yang positif, namun bagi ibu-ibu Muslim perlu lebih berhati-hati kerana tak kurang juga yang risau kerana dengan syarat tertentu yang boleh melibatkan kekeliruan nasab.

Walaupun fatwa telah diwartakan pada 27 Disember 2012 yang menyatakan bahawa tidak harus mewujudkan Bank Susu Ibu, akan tetapi fatwa tersebut perlu disemak semula disebabkan terdapat beberapa hospital yang telah melaksanakan amalan penerimaan susu ibu daripada penderma yang dikenali sebagai contoh adik-beradik berasaskan konsep *First in First out*. Selain itu, KKM juga telah mewujudkan Pusat Laktasi Kebangsaan untuk mempromosi penggunaan susu ibu bertujuan untuk membantu ibu menghasilkan susu ibu bagi yang kali pertama menyusukan atau telah lama tidak menyusukan atau tidak berkeupayaan untuk menghasilkan susu, dan tidak dinyatakan akad persetujuan pemilik susu ibu untuk memberikan susu ibu tersebut ataupun ibu susu itu tidak dimaklumkan siapa penerima susu yang menjadi punca penerima susu ibu tidak mengenali penderma susu ibu.

Disebabkan hal ini, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memperkenalkan Kad MyRadha'ah yang dikhaskan bagi bayi yang menyusu daripada wanita bukan ibu kandung. Kad ini diwujudkan untuk merekodkan pendaftaran anak dan ibu susuan supaya anak susuan itu tidak berkahwin dengan saudara sesusan selain memperkenalkan identiti mereka serta menjaga keturunan umat Islam melalui proses nikah yang sah.

Menurut Puan Maryam, pihak JAIS sebelum ini telah melaksanakan satu perbincangan meja bulat yang bertajuk "Keperluan Mewujudkan Kad

Radhā'ah di Era Globalisasi” bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan rapat dengan susuan. JAIS telah menjemput beberapa wakil agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN), Penasihat Undang-undang MAIS, Penasihat Undang-undang SUK Negeri Selangor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Jabatan Mufti Negeri Selangor, Mufti Wilayah, wakil daripada Pejabat Mufti Negeri-negeri dan termasuklah wakil ibu susuan serta pensyarah dari institusi pengajian tinggi. Hasilnya, semua yang hadir bersetuju tentang keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan pendaftaran ibu susu dan anak susuan.

Beliau turut menyatakan bahawa pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sendiri bersetuju terhadap pelaksanaan kad ibu susuan akan tetapi disebabkan adanya kekangan dari segi peruntukan undang-undang menjadi penghalang kepada JPN untuk melibatkan diri terhadap penggunaan MyKad atau MyKid untuk dimasukkan maklumat tentang anak susuan.

Walaupun tiada peruntukan yang khusus telah digazetkan, JAIS telah bertindak dengan kelulusan Anggota Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melaksanakan Kad MyRadha’ah pada 19 November 2018 berdasarkan punca kuasa perundangan seksyen 135(3)(i) yang menyebut:

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam Warta, membuat kaedah-kaedah bagi maksud Enakmen ini dan, tanpa menyentuh keluasan yang tersebut itu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan-peruntukan bagi:

(i) lain-lain perkara bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

Peruntukan ini secara langsung selaras dengan Subseksyen 9(3) dan (4) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

9(3) Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, oleh sebab sususan, berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan di mana, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin dengannya oleh sebab nasab atau pertalian kahwin. (i) lain-lain perkara bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

9(4) Tiada seseorang lelaki boleh mempunyai lebih dari satu isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu adalah bertalian antara satu sama lain melalui nasab, pertalian kahwin, atau sesusan yang mana perkahwinan antara mereka tidak sah mengikut Hukum Syarak.

Namun begitu, bagi pengkaji, peruntukan ini tidak menyatakan bahawa anak susuan orang Islam di Negeri Selangor hendaklah didaftarkan. Oleh itu, terdapat keperluan yang perlu diambil perhatian agar diwujudkan satu kaedah pendaftaran anak susuan agar dapat memastikan adanya punca kuasa kepada kewajipan ibu atau bapa atau penjaga anak susuan untuk mendaftarkan anak dan ibu susuannya kepada Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS. Kegagalan mereka mendaftarkan anak susuan dikira sebagai satu kesalahan.

## CADANGAN MEKANISMA SOKONGAN BAGI PENDOKUMENTASIAN MAHRAM SUSUAN

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa pendokumentasian pembuktian mahram susuan merupakan maslahah umum, iaitu bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat dalam sistem kekeluargaan dan ibadah dalam Islam. Walaupun tiada peruntukan yang membolehkan pelbagai pihak terlibat dalam pewujudan dokumen ini, namun dengan peruntukan yang sedia ada secara tidak langsung membolehkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertindak melaksanakan Kad MyRadha'ah yang hanya terpakai bagi masyarakat di negeri Selangor sahaja.

Jika kita lihat, pada hari ini negeri Sarawak sudah turut memulakan beberapa kajian secara tersusun bagi melaksanakan penggunaan kad seperti yang telah diwujudkan oleh pihak JAIS. Satu pertemuan telah diadakan antara pihak negeri Sarawak dengan pihak JAIS untuk mengetahui cara pelaksanaan Kad MyRadha'ah. Hal ini menunjukkan keprihatinan badan-badan agama yang ada di Malaysia yang cuba bergerak seiring untuk merealisasikan maqasid syariah terutama dalam usaha menjaga nasab keturunan orang Islam di Malaysia.

Oleh itu, dua cadangan dikemukakan untuk penambahbaikan agar pelaksanaan dokumentasi penyusuan ini dapat dilaksanakan di seluruh negeri di Malaysia, antaranya termasuklah:

## Keperluan Mewujudkan Enakmen

Bagi tujuan pelaksanaan dokumentasi penyusuan, elemen peruntukan atau akta tentang penyusuan ibu susuan perlu digubal bagi memudahkan pengurusan pelaksanaan dan pelarasan secara menyeluruh di semua pejabat agama atau badan yang berautoriti penguatkuasaannya. Selain itu, akta atau enakmen juga berperanan untuk mengiktiraf dan melindungi hak-hak yang diperoleh sebagai anak susuan dan mahram susuan sama ada dalam aspek pematuhan perintah syarak dan interaksi sosial. Hal ini secara langsung membuka ruang kepada badan yang mempunyai autoriti mewujudkan dan melaksanakannya secara berperingkat tanpa ada kekangan dari segi perundangan di Malaysia. Oleh itu, satu pindaan peruntukan undang-undang berkaitan perlu dilakukan.

Walau bagaimanapun, penulis turut mengharapkan diwujudkan terlebih dahulu satu Prosedur Operasi Standard (SOP) kad radha'ah supaya dapat diperkenalkan pada peringkat nasional dengan cara mengambil kira secara keseluruhan, iaitu dengan mewujudkan dan melaksanakan kajian hukum fiqh dan usul fiqh berkaitan isu-isu berbangkit dalam bab radha'ah, kajian perundangan untuk mewujudkan kad radha'ah dan kajian pengamalan susu ibu perlu dilaksanakan.

Kerjasama strategik antara Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAİN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Jabatan Mufti Negeri-Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) perlu diwujudkan bagi perlaksanaan SOP Kad Radha'ah ini secara komprehensif.

## Kawalan Rekod

Beberapa mekanisme untuk mengenal pasti dan mengiktiraf seseorang itu sebagai anak susuan, ibu susuan dan mahram susuan perlu diwujudkan. Tindakan ini perlu diwacanakan dan dilaksanakan pada peringkat pihak berkuasa seperti pejabat agama, pejabat pendaftaran negara atau mana-mana badan yang berautoriti bagi tujuan penguatkuasaan. Selain itu, polisi, garis panduan atau etika tentang penyusuan ibu susuan perlu didedahkan kepada masyarakat bagi mendapatkan pengetahuan asas tentang kepentingan pendokumentasian penyusuan susu ibu.

Antara inisiatif yang boleh dilakukan bagi tujuan pendokumentasian ini termasuklah mewujudkan bank data berpusat bagi memudahkan urus

tadbir pengamal penyusuan dan pernikahan. Selain itu, pembinaan kad penyusuan, sijil penyusuan atau capaian secara maya melalui aplikasi tertentu juga amat penting. Elemen yang perlu diwujudkan dalam pembinaan kad, sijil atau aplikasi tersebut termasuklah maklumat diri, ibu susu, ibu bapa bayi susuan serta beberapa maklumat lain mengikut keperluan dan kesesuaian produk tersebut.

Selain itu, keperluan untuk menyediakan infrastruktur ICT yang mesra pengguna secara tidak langsung dapat meluaskan rangkaian sistem ICT ke peringkat nasional bagi memudahkan akses dan perkongsian maklumat antara negeri-negeri di Malaysia contoh seperti penggunaan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM).

## KESIMPULAN

Kajian ini meneliti konsep penyusuan dari sudut perundangan Islam dan pada masa yang sama mengenal pasti institusi atau agensi yang berperanan mengawal selia isu-isu berbangkit berkaitan dengan penyusuan. Penggunaan Kad MyRadha'ah dilihat sebagai suatu cara pendokumenan diri saudara susuan untuk memastikan salasilah nasab orang Islam dijaga secara teratur dan dapat ditadbir urus dengan baik. Penglibatan secara holistik dan konsisten daripada semua agensi awam, iaitu Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Mufti Negeri-Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah perlu demi menjayakan maqasid syariah ini. Pelaksanaan pendokumentasian penyusuan ini wajar diwujudkan dan dilaksanakan ke seluruh negeri. Langkah selanjutnya, perlu ada pemantauan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanannya di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir, M.N. & Awang, M.D. (2018). Penyusuan Kanak-Kanak Melebihi Usia Dua Tahun: Status Anak Angkat Menjadi Menjadi Anak Susuan. *Jurnal AL-ANWAR*, 5(1). Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT).
- al-Alusi, Shihab al-Din Mahmud Ibn 'Abd Allah al-Lusayni. (1987). *Rūh al-Ma'āni*. Jil. 2. Beriut: Dar al-Fikr.

- al-Buhuti, Mansur Ibn Idris. (2003). *Kashshāf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub.
- al-Dardir, Abu al-Barakat Ahmad Ibn Muhammad. (t.t). *Al-Sharh al-Saghīr 'alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*. Beirut: Dar al-Ma'ārif.
- al-Ghunaymi, 'Abd al-Ghani al-Dimashqi al-Maydāni al-Hanafi. (1993). *al-Lubāb fī Sharh al-Kitāb*. Beirut: Maktabah al-'Ilmīyyah.
- al-Jarumi, Al-Syaikh Mohammad Nidzam Abdul Kadir. (2016). *Dilema penyusuan dewasa, perlu fatwa tepat*, 30 September 2016. Utusan Melayu (M) Bhd, dicapai pada 4 Mac 2019, <http://www.utusan.com.my/mega/agama/dilema-penyusuan-dewasa-perlu-fatwa-tepat-1.388900>
- al-Jawziyah, Ibn Qayyim. (1992). *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Jil. 5. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Kasani, Abu Bakr Ibn Mas'ud. (1986). *Badā'i al-Sanā'i* Jil. 4. Beruit: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Khatīb al-Sharbīnī, Shamsuddīn bin Muhammad. (1997). *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'āni al-fāz al-Minhāj*. Cet. 1, juz. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah. 543.
- al-Khatīb al-Sharbīnī. (1978) *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'āni al-fāz al-Minhāj*. Jil.3. Beirut: Dar Ihya' al-Turathal-Arabi.
- al-Mawardi, Abial-Hassan 'Ali Ibn Muhammad Ibn Habib. (1996). *Kitab al-Rada*. Beirut: Dar Ibn-Hazm.
- al-Mazhari, Muhammad Thana' Allah. (2007). *Tafsīr al-Mazhari*. Jil 5. Beirut: Dar al-Kutubal-'Ilmiyyah.
- al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr Farah al-Ansari. (1988). *Al-Jāmi' liAhkāmal-Qurān*. Jil. 8. Beruit: Dar al-Kutubal-'Ilmiyyah
- al-Rāzi, Muhammad IbnAbi Bakr Ibn 'Abd al-Qādir. (1995). *Mukhiṭār al-Šihāh*. Beirut: MaktabahLubnan.
- al-Sharbaji, 'Ali Mustafa al-Khin & Mustafa Bugha. (1987) *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Madhdhab al-Imām al-Shafī'i*. Jil.4. Damsyik : Matba'ahal-Sabl.
- al-Shirazi, Taqi al-Din 'Ali Ibn Abd al-Kafi al-Subki. (t.t). *al-Majmū' Sharh al-Muhadhdhab*. Jil.17. Jeddah: Maktabatal-Irshad.
- al-Shirbini, Muhammad al-Khatib. (1978). *Mughnī al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'āni Alfāz al-Minhāj*. Jil.3. Beirut: Dar Ihya' al-Turathal-Arabi.
- al-Suwaydan, Walid Ibn Rashid. (2007). *Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa*. Terjemahan Basri Ibrahim. Kuala Lumpur: al-HidayahPublications.
- al-Zamakhshari, Abu Qasim Mahmud Ibn 'Umar. (1977). *Kashshāf 'an Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-'Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*. Jil. 1 Beirut : Dar al-Fikr.
- Ashraf, S. (2004). *Encyclopaedia of Holy Prophet and Companions*. Anmol Publications PVT. LTD.
- Daud, N., Mohd Kusrin, Z., Hamjah, S.H. & Omar, A.F. (2012). Penyusuan dan Bank Susu Menurut Islam. *Islamiyyat*, 34.

- Daud. N. (2018). Hukum dan Isu Berbangkit dalam Bab Radhā'ah. Kertas Pembentangan di Simposium Raadhā'ah 2018. Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- Ibn Ahmad, 'Abd Allah. (1983). *Al-Mughni*. Jil 7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abi Mohd bin Sa'id al Andalusi. (t.t.). *Al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, 'Abd Allah Ibn Ahmad. (1983). *Al-Mughni*. Jil 7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Manzūr, Muhammad Ibnu Mukram, (Ed.). (2003). *Lisān al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- Laman Web Rasmi Darul Ifta' Misriyah. (2013). Dalil Sadd al-Zarai'i fi al-Fiqh al-Islami. Akses pada 8 Mei 2019, daripada <http://www.daralifta.gov.eg/ar/ViewResearch.aspx?sec=fatwa&ID=2381&LangID=1>
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2012). Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/267-hukum-wanita-menysusukan-anak-angkat>
- Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Bayan Linnas Siri 70: Isu Berkenaan Ibu Susuan & Pelbagai Hukum (Kad Atau Sijil Susuan)*. Akses pada 4 Mac 2019, daripada <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1138-bayan-linnas-siri-70-isu-berkenaan-ibu-susuan-pelbagai-hukum-kad-atau-sijil-susuan>
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2017). Hukum Berkaitan Bank Susu. Akses daripada <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2079-al-kafi-510-hukum-berkaitan-bank-susu>
- Laman Web Rasmi Tabung Haji. (2013). *Wanita Wajib Bawa Mahram*. Akses pada 8 Mei 2019, daripada <https://www.tabunghaji.gov.my/en/newspaper-clipping/wed-01302013-1200/wanita-wajib-bawa-mahram>
- Majlis Pertimbangan Kesihatan dan Syarak Indonesia. (1976).
- Majma' Fiqh Islami*. (1985) Muktamar ke-2. Jil 1.
- Mausu'ahal-Hadithal-Syarif. (2000). *Al-Kutubu al-Sittah*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Md. Zin, Maryam. Temu bual perseorangan. (2019, 14 Mac). Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Keluarga Seksyen Runding Cara Keluarga pada di Bahagian Undang-Undang Keluarga, Tingkat 4 Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, No 2 Persiaran Masjid, 40676 Shah Alam Selangor.
- Muda, A.L. & Ali, R. (2000). *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh* (Ed 1). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2017, 19 April). Keperluan Kad Radha'ah di Era Globalisasi Mengikut Pandangan Syarak. Akses pada 4 Mac 2019, daripada <https://www.facebook.com/drzulmuftiwp/posts/diskusi-meja-bulat-keperluan-mewujudkan-kad-radhaah-di-era-globalisasi-dengan-ta/914176688722311/>

*Muslim, Sahih Muslim dalam Mawsū'ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah wa Shurūhuhā.* (1992). Juz 2, cet. 2. Istanbul: Cagri Yayinlari, p. 921, no hadith 3569, Kitāb al-radḥā', bāb yahrūm min al-radḥā'ah ma yahrūm min al-wilādah.

Nik Hussain, N.H. (2013, 20 Januari). *Penyusuan Anak Angkat*. Dicapai pada 4 Mac 2019. Utusan Melayu (M) Bhd.

Pengaruh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (JAKIM). (2011). Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat. Kertas untuk Pertimbangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Rida, Muhammad Rashid. (2005). *Tafsīr al-Manār*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Zaydān, A.K. (2000). *Al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Cet 3, juz 6. Beirut: Mu'assasahal-Risalah.

Diperoleh (*received*): 14 Oktober 2019

Diterima (*accepted*): 12 Jun 2020